

SULIT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

UJIAN AKHIR

SESI I : 2025/2026

SPP10213 : ASAS PENGURUSAN

TARIKH : 17 NOVEMBER 2025

MASA : 9.00 PAGI – 11.00 PAGI (2 JAM)

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN (8)** halaman bercetak.

Bahagian A: Objektif (20 soalan)

Bahagian B: Struktur (6 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Kertas Graf, Formula dsb / Tiada

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

SULIT

BAHAGIAN A: 20 MARKAH**ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

CLO1

1. Takrifkan pengorganisasian dalam organisasi.
 - A. Satu proses yang kompleks melibatkan keadaan dalaman dan luaran individu.
 - B. Satu proses untuk menentukan apa yang hendak dicapai oleh organisasi dan tindakan yang sesuai diambil.
 - C. Satu proses memantau prestasi dan pengambilan tindakan untuk memastikan hasil tercapai seperti yang dijangkakan.
 - D. Satu proses di mana pengurus menyusun dan mengagihkan sumber-sumber organisasi untuk melaksanakan tugas yang telah ditetapkan agar dapat mencapai matlamat organisasi

CLO1

Sebagai seorang pengurus, Puan Mala menentukan tanggungjawab dan aktiviti yang perlu dilakukan bagi setiap jawatan.

2. Pernyataan di atas menerangkan proses pengorganisasian bagi langkah _____
 - A. Menyenaraikan kerja.
 - B. Membahagikan kerja.
 - C. Menyelaraskan kerja.
 - D. Menubuhkan jabatan.

CLO1

3. Antara berikut yang manakah **BUKAN** perkara yang dipertimbangkan dalam pengorganisasian.
 - A. Tatacara dan dasar.
 - B. Pengkhususan kerja.
 - C. Pencapaian hasrat diri.
 - D. Proses membuat keputusan

CLO1

Selepas tiga tahun beroperasi, Megah Holding membuat kajian cara terbaik pengagihan tugas pekerja dan keberkesanan jabatan.

4. Berdasarkan pernyataan di atas, kenalpasti proses pengorganisasian.
- A. Membahagikan kerja.
 - B. Menyelaraskan kerja.
 - C. Menubuhkan jabatan.
 - D. Melaksanakan penilaian dan penambahbaikan.

CLO1

5. Susun langkah-langkah dalam proses pengorganisasian.
- I. Menyenaraikan kerja
 - II. Membahagikan kerja
 - III. Menyelaraskan kerja
 - IV. Menubuhkan jabatan
- A. I, II, IV dan III
 - B. I, II, III dan IV
 - C. II, I, III dan IV
 - D. IV, III, II dan I

CLO1

6. Bagaimanakah pengorganisasian boleh membantu pencapaian matlamat organisasi?
- A. Mengurangkan masa operasi syarikat.
 - B. membenarkan pekerja bekerja tanpa arahan.
 - C. Melalui pemberian gaji lebih tinggi kepada pekerja.
 - D. Mengatur kerja mengikut fungsi dan tanggungjawab tertentu

CLO1

7. Perbezaan utama antara langkah menyenaraikan kerja berbanding membahagikan kerja ialah _____
- A. menyenaraikan kerja dilakukan selepas penilaian.
 - B. menyenaraikan kerja hanya dilakukan di syarikat kecil.
 - C. menyenaraikan kerja lebih fokus kepada pemisahan tugasan.
 - D. menyenaraikan kerja lebih fokus kepada penerangan tugasan.

- CLO1 8. Tujuan utama langkah menubuhkan jabatan dalam proses pengorganisasian ialah
- A. supaya pekerja dapat memilih kerja sendiri.
 - B. supaya kerja lebih cepat siap tanpa kawalan.
 - C. supaya tugas disusun dalam unit yang lebih teratur.
 - D. supaya pekerja bekerja secara bebas tanpa panduan.
- CLO1 9. Seorang pengurus mengagihkan tugas mencuci kepada pekerja A dan tugas melipat kepada pekerja B. Ini merupakan proses _____
- A. koordinasi kerja.
 - B. pembahagikan kerja.
 - C. menubuhkan jabatan.
 - D. melaksanakan penilaian
- CLO1 10. Taktif kawalan ialah _____
- A. proses mengenalpasti halatuju organisasi.
 - B. proses pekerja menerima arahan daripada pengurus.
 - C. proses memahami tenaga kerja dan pelaksanaan tanggungjawab pekerja.
 - D. proses memantau aktiviti organisasi untuk memastikan ianya dilaksanakan seperti yang dirancang.
- CLO1 11. Susun langkah dalam proses pengawalan mengikut turutan yang **BETUL**
- A. Menetapkan piawaian → Mengukur prestasi sebenar → Melaksana tindakan pembetulan → Membandingkan prestasi sebenar dengan standard
 - B. Mengukur prestasi sebenar → Menetapkan piawaian → Membandingkan prestasi sebenar dengan standard → Melaksana tindakan pembetulan
 - C. Menetapkan piawaian → Mengukur prestasi sebenar → Membandingkan prestasi sebenar dengan standard → Melaksana tindakan pembetulan
 - D. Mengukur prestasi sebenar → Membandingkan prestasi sebenar dengan standard → Menetapkan piawaian → Melaksana tindakan pembetulan

CLO1

En Badrul telah menetapkan Syarikat Megah Holding perlu menjual 10,000 biji kek pada bulan Ogos. Pada akhir bulan syarikat hanya berjaya menjual 8,000 biii kek.

12. Berdasarkan situasi di atas tentukan proses pengawalan yang sedang dilaksanakan oleh En Badrul
- A. Menetapkan piawaian.
 - B. Mengukur prestasi semasa.
 - C. Melaksana tindakan pembetulan.
 - D. Membandingkan prestasi sebenar dengan standard.

CLO1

13. Antara berikut merupakan kepentingan kawalan **KECUALI**:
- A. Mewujudkan rantaian arahan.
 - B. Mengesan sebelum berlaku kesilapan.
 - C. Membantu mencapai matlamat organisasi.
 - D. Membolehkan pengurus mendelegasikan tugas.

CLO1

14. Antara berikut yang manakah merupakan cara yang digunakan untuk mengukur prestasi sebenar
- I. Analisis produk
 - II. Pembaikan mesin
 - III. Pemerhatian sendiri
 - IV. Laporan pencapaian
- A. I dan II
 - B. I, dan III
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

CLO1

15. Apakah definisi pengurusan strategik?
- A. Set keputusan dan tindakan pengurusan yang menentukan prestasi jangka hayat organisasi.

- B. Set keputusan dan tindakan pengurusan yang menentukan prestasi jangka pendek organisasi.
- C. Set keputusan dan tindakan pengurusan yang memerlukan prestasi jangka panjang organisasi.
- D. Set keputusan dan tindakan pengurusan yang menentukan prestasi jangka sederhana organisasi.

Pengurus telah memilih tindakan terbaik yang perlu diambil untuk mencapai visi, misi dan matlamat yang telah disasarkan oleh perniagaan.

CLO1

16. Kenyataan di atas menerangkan proses pengurusan strategik bagi langkah _____

- A. analisa strategik.
- B. merancang strategik.
- C. penetapan sasaran strategik.
- D. menilai pencapaian strategik.

En Ali telah memaklumkan hasrat untuk membuka 2 cawangan baharu dalam masa lima tahun.

CLO1

17. Berdasarkan situasi di atas tentukan proses perancangan strategik yang sedang dilaksanakan oleh En Ali

- A. Analisa strategik.
- B. Merancang strategik.
- C. Penetapan sasaran strategik.
- D. Menilai pencapaian strategik.

CLO1

18. Antara berikut merupakan tindakan yang perlu dilakukan oleh pengurus dalam proses analisa strategik **KECUALI**:

- A. Mengenalpasti pengubahsuaian dan penambahbaikan yang perlu.
- B. Mengenalpasti, mengkaji, mengumpul dan membekalkan maklumat bagi tujuan strategik.
- C. Penganalisan ke atas persekitaran dalaman mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang dimiliki.

- D. Penganalisaan ke atas persekitaran luaran akan membolehkan pengurus atau pentadbir mengenal pasti peluang-peluang yang boleh dieksploitasi.
- CLO1 19. Mengapakah penilaian strategik merupakan peringkat terakhir dalam pengurusan strategik?
- A. Melibatkan perancangan jangka panjang sahaja.
 - B. Memastikan organisasi mencapai keuntungan maksimum.
 - C. Menggantikan proses analisis dalaman dan luaran organisasi.
 - D. Setiap aktiviti perlu dinilai bagi mengenal pasti keberkesanannya agar tidak tersasar daripada objektif dan strategi yang telah ditetapkan
- CLO1 20. Antara berikut yang manakah merupakan persoalan semasa penentuan perancangan strategik
- I. Bilakah hasrat tersebut akan tercapai?
 - II. Apakah yang ingin dicapai oleh organisasi?
 - III. Berapakah keuntungan syarikat setiap tahun?
 - IV. Bagaimanakah hasrat ataupun harapan tersebut boleh dicapai?
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

BAHAGIAN B: 30 MARKAH**ARAHAN:**

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

- CLO1 (a) Terangkan **TIGA (3)** kepentingan pengorganisasian. [6 markah]
- CLO1 (b) En Ali ingin menjalankan perniagaan menjual nasi lemak. Terangkan **DUA (2)** jenis sumber yang diperlukan oleh En Ali. [4 markah]
- CLO1 (c) Terangkan langkah menubuhkan jabatan dengan besertakan contoh yang bersesuaian [4 markah]
- CLO1 (d) Standard adalah titik rujukan yang digunakan oleh seorang pengurus. Jelaskan **DUA (2)** jenis standard. [4 markah]
- CLO1 (e) Huraikan **TIGA (3)** prinsip kawalan berkesan. [6 markah]
- CLO1 (f) Terangkan **TIGA (3)** kepentingan perancangan strategik. [6 markah]

SOALAN TAMAT